

13/03/1997

Exco akan hadir kursus IT

Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Rabu - Kerajaan negeri Terengganu akan menganjurkan kursus bagi semua ahli Exco negeri dan wakil rakyat bagi membolehkan mereka mengetahui secara mendalam teknologi berasaskan komputer dan era teknologi maklumat.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata langkah itu bagi memastikan Terengganu tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi itu, terutama apabila negara melaksanakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kerajaan negeri juga bersedia menerima dan mengambil kesempatan daripada pembangunan dalam bidang teknologi maklumat yang akan dilaksanakan nanti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

Wan Mokhtar berkata, kursus jangka pendek selama dua hari akan diadakan secepat mungkin dan memberi tumpuan terhadap usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melaksanakan MSC.

"Ia menjadi matlamat kerajaan negeri menggunakan teknologi yang memberi faedah dan berkesan dalam melicinkan jentera pentadbiran negeri," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri akan memperuntukkan RM400,000 untuk membeli lebih banyak komputer bagi meningkatkan kecekapan jabatan, selain menyediakan kemudahan yang diperlukan.

"Ini perlu bagi semua pegawai kerajaan negeri untuk memahami konsep MSC," katanya.

Mengenai usaha menangani gejala sosial, Wan Mokhtar berkata, jawatankuasa gejala sosial akan mengadakan mesyuarat sebulan sekali.

"Walaupun gejala itu tidak serius di negeri ini, tetapi keadaan agak membimbangkan berdasarkan perkembangan yang berlaku, terutama di kalangan pelajar," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri perlu menangani perkara itu dengan bijak, supaya ia tidak menimbulkan kesan negatif.

(END)